

17/11/1998

Semua pemimpin puas hati

zil; Salina Abdullah; Abdul Halim Yusuf  
KUALA LUMPUR, Isnin - Beberapa ketua negara anggota Apec yang mengadakan perbincangan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir hari ini menerima penjelasan kerajaan mengenai perbincaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Malah, kata Perdana Menteri, beliau gembira kerana pemimpin terbabit, yang sebelum ini berpendapat ia adalah tindakan politik kerajaan, dapat melihat keadaan sebenar.

Menurutnya, antara penjelasan beliau kepada pemimpin negara yang bertanyakan isu itu ialah perbincaraan Anwar mengikut prosedur biasa kerana semua orang sama rata di sisi undang-undang.

"Jadi mereka tidak ada hak untuk berkata bahawa untuk orang ini (Anwar), lain undang-undangnya... tidak boleh lah.

"Kita semua sama di sisi undang-undang dan kita semua tertakluk kepada peraturan itu, tanpa mengira kedudukan kita," katanya kepada pemberita petang ini.

Sepanjang hari ini, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, ; Pengerusi Majlis Perancang Ekonomi dan Pembangunan Taiwan, Dr Chiang Pin-Kung; Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai; Presiden Peru, Alberto Fujimori; Presiden Filipina, Joseph Estrada; Ketua Eksekutif SAR Hong Kong, Tung Chee Hwa dan Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak terguris hati dengan kenyataan dan pendapat mengenai Anwar yang dilahirkan dalam pertemuan itu.

Menurutnya, daripada sembilan pemimpin negara yang mengadakan mesyuarat dua hala dengan beliau, hanya Perdana Menteri Australia, John Howard, menimbulkan isu Anwar.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pemimpin negara anggota Apec supaya menghormati adat Malaysia sewaktu berada di sini kerana negara ini tidak pernah mencampuri hal ehwal dalaman negara lain.

"Adat kita di sini ialah kita tidak campur tangan dalam hal ehwal negara orang lain. Jadi, kalau orang lain berpendapat mereka hendak campur tangan, itu adalah hak mereka," katanya.

Sebelum itu, Setiausaha Luar Filipina, Domingo Siazon, selepas menemui Dr Mahathir berkata, kerajaannya percaya perbincaraan Anwar dijalankan dengan telus dan terbuka.

(END)